

Keperluan Tipologi Perumahan Transit Untuk Golongan Muda di Bandar Kajian Kes: Perumahan Bandar Mikro DBKL

(The Needs of Typology of Transit Housing for Young People in the City Case Study: DBKL Micro Town Housing)

Mohd Iskandar Abd Malek^{a*}, Nur Ainna Mohamad Sabri^a, Nor Haslina Jaa'far^a, Noorsaidi Mahat^b & I Nyoman Gede Maha Putra^c

^a*Jabatan Seni Bina dan Alam Bina, Faculty of Engineering & Built Environment, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia*

^b*Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur, Universiti Teknologi Mara, Cawangan Sarawak, Malaysia.*

^c*Program Studi Arsitektur, Fakultas Teknik dan Perencanaan Universitas Warmadewa, Denpasar, Bali.*

*Corresponding Author: iskandarmalek@ukm.edu.my

Received 20 June 2024, Received in revised form 3 August 2024
 Accepted 25 September 2024, Available online 30 November 2024

ABSTRAK

Perumahan transit untuk golongan muda yang baharu mula bekerja ialah konsep perumahan yang menyediakan penginapan sementara dan perkhidmatan sokongan kepada individu pada peringkat awal kerjaya mereka. Di Malaysia, keutamaan perumahan untuk golongan golongan muda adalah isu yang penting kerana harga unit rumah pada masa kini membebankan golongan muda yang baru mula bekerja untuk mendapatkan rumah atau bilik yang mampu milik sesuai dengan kemampuan mereka. Mereka berhadapan cabaran masa kini termasuk berpindah jauh dari penempatan asal untuk mendapatkan kerja dan mencari peluang kerja baru di bandar-bandar besar seperti di Kuala Lumpur. Golongan-golongan muda merupakan aset yang berharga kepada pertumbuhan ekonomi negara. Oleh itu, amatlah penting jika rumah transit dapat dibangunkan sebelum mereka dapat membeli rumah yang baru. Data dikumpul daripada tinjauan soal selidik yang dijawab oleh 100 golongan graduan Universiti Tempatan dan golongan golongan muda yang baru mula bekerja di sekitar Selangor dan Kuala Lumpur. Hasil kajian terhadap keperluan dan kehendak ruang perumahan transit dapat memberikan sumbangan yang penting dalam pembangunan perumahan transit di Malaysia. Justeru, penyelidikan ini dapat mengenalpasti kehendak dan keperluan rumah transit yang dipilih oleh golongan muda yang melibatkan ruang-ruang yang diperlukan, jenis bilik, dan jenis program di perumahan transit di Malaysia.

Kata kunci: Perumahan transit; golongan muda; mampu milik

ABSTRACT

Transit housing for young people who have just started work is a housing concept that provides temporary accommodation and support services to individuals in the early stages of their careers. In Malaysia, the priority of housing for the youth is an important issue because the price of housing units nowadays burdens young people who have just started working to get an affordable house or room according to their ability. They face current challenges, including moving away from their hometown to get work and looking for new job opportunities in big cities like Kuala Lumpur. The youth is a valuable asset to the economic growth of the country. Therefore, it is very important that a transit house can be developed before they can buy a new house. Data was collected from a questionnaire survey answered by 100 local university graduates and young people who have just started working around Selangor and Kuala Lumpur. The results of the study

on the needs and requirements of transit housing space can provide an important contribution to the development of transit housing in Malaysia. This research can identify the wants and needs of the transit house chosen by the youth which involves the required spaces, types of rooms, and types of programs in transit housing in Malaysia.

Keywords: Transitional housing; young adults; affordable

PENGENALAN

Perumahan transit juga dikenali sebagai perumahan peralihan atau perumahan sementara, merujuk kepada satu bentuk penginapan yang menyediakan tempat tinggal sementara dan perkhidmatan sokongan kepada individu yang menjalani tempoh peralihan. Ia berfungsi sebagai tempat perlindungan keselamatan yang diakibatkan daripada situasi yang tidak stabil untuk mendapatkan perumahan kekal (Anon 2023). Perumahan peralihan ini adalah langkah perantaraan antara krisis perumahan dan perumahan jangka panjang yang terhad antara tiga bulan dan tiga tahun (Sohaimi et al. 2017).

Perumahan transit untuk golongan muda yang baharu mula bekerja ialah konsep perumahan yang menyediakan penginapan sementara dan perkhidmatan sokongan kepada individu pada peringkat awal kerjaya mereka (Mohamed et al. 2020). Bentuk perumahan ini mengiktiraf cabaran unik yang dihadapi oleh golongan muda semasa mereka berada pada fasa peralihan alam pendidikan kepada alam pekerjaan. Cabaran yang dihadapi oleh golongan ini ialah kekangan kewangan, penyewaan yang terhad dan keperluan untuk menstabilkan diri semasa fasa kritikal ini (Hamzah & Zayed 2021).

Di Malaysia amnya, telah mengalami kepesatan kadar pertumbuhan penduduk sejak tahun 1950-an sehingga kini berikutan faktor migrasi, peningkatan dalam saiz penduduk, pengagihan pendapatan dan pelbagai aktiviti lain. Senario ini secara tidak langsung telah menyumbang kepada pertumbuhan perumahan negara sekali gus melambangkan kestabilan sosio ekonomi dan pemangkin pembangunan sesebuah negara (Bujang et al. 2010).

Cabaran pembangunan di Kuala Lumpur ketika tahun 1960-an dan 70-an adalah isu peluang pekerjaan dan isu petempatan. Isu ini timbul apabila ramai penduduk dari kawasan luar bandar berhijrah ke Kuala Lumpur untuk mencari peluang pekerjaan yang lebih baik, mudah untuk mendapat kemudahan pendidikan dan kemudahan-kemudahan sosial yang lain yang telah mewujudkan banyak penempatan setinggan (Azril 2015).

Perumahan yang stabil dan mampu milik menjadi kebimbangan utama golongan ini kerana ramai golongan muda mempunyai kemampuan kewangan yang terhad atau menghadapi halangan dalam persaingan mendapatkan rumah sewa. Perumahan transit ini dapat membantu mereka

menangani cabaran ini dengan menawarkan penyelesaian perumahan sementara yang direka khusus untuk memenuhi keperluan golongan dewasa yang baharu memasuki alam pekerjaan (Yaaco 2024).

Program perumahan transit untuk golongan muda ini bertujuan untuk menyediakan persekitaran yang selamat dan sokongan yang boleh membentuk diri mereka secara professional dan berusaha ke arah kestabilan perumahan jangka panjang. Program ini menawarkan pilihan perumahan mampu milik, bantuan perancangan kewangan, peluang bimbingan kepada golongan muda untuk menghadapi kerumitan fasa kerjaya awal mereka (Shahlan, Abd Malek, Khashim 2020).

Oleh itu, kajian ini akan dijalankan untuk mengkaji perumahan transit untuk golongan yang baharu bekerja. Kajian kes adalah perumahan Transit yang terletak Di Jalan Tar, Kuala Lumpur sekaligus mengkaji keperluan dan kehendak ruang perumahan transit tersebut.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dapat membantu memahami keperluan, kehendak ruang serta program bagi perumahan transit bagi golongan muda. Antara objektif kajian adalah:

1. Mengkaji keperluan dan kehendak ruang untuk perumahan transit.
2. Untuk menilai tentang kehendak ruang dan program untuk perumahan transit.

KAJIAN KEPUSTAKAAN

Kecenderungan setiap negara dalam trend semasa telah mewujudkan pelbagai gelaran untuk perumahan di bandar yang bersifat sementara dan transit. Antaranya rumah mikro, flat mikro, a *Podments*, loteng mikro, dan suite metro. Tipologi perumahan bandar mikro ini telah mendapat tempat di kalangan kumpulan bujang dan belia bergantung kepada masalah dan isu perumahan di kebanyakan negara. (Kholid & Zaharin 2019). Perumahan bermaksud kumpulan rumah ataupun tempat tinggal manakala transit merujuk kepada tempat singgah atau

persinggahan (Kamus Dewan Edisi Keempat). Perumahan Transit bertujuan untuk menawarkan persekitaran hidup yang menyokong, memberi peluang dan alat untuk pembangunan masyarakat dalam kalangan penduduk (Abd Malek 2020).

Di peringkat global, perumahan transit ini kebiasaan disebut oleh perumahan mampu milik atau perumahan sosial. Namun ia tidak tertumpu kepada golongan yang baharu bekerja sahaja tetapi kepada semua peringkat golongan.

Walaupun konsep perumahan transit ini masih baru tetapi cadangan pembangunan untuk perumahan berkonsepkan transit telah dijadikan salah satu konsep perumahan yang mampu menempatkan golongan yang baharu bekerja dan ini dapat menjana pertumbuhan ekonomi Malaysia. Sumber rujukan untuk kajian kepustakaan ini terdiri daripada buku, artikel, keratan akhbar dan rujukan internet yang mempunyai sumber rujukan yang sahih. Kajian kepustakaan ini dibahagikan ke beberapa sub-topik yang menerangkan secara menyeluruh tentang latar belakang perumahan pangsa kos rendah di Malaysia.

URBANISASI DI MALAYSIA

REALITI PERUMAHAN UNTUK GOLONGAN MUDA DI PERINGKAT MALAYSIA

Kajian terdahulu menunjukkan bahawa tahap pemilihan rumah yang berkurangan ini di Hong Kong di kalangan orang muda adalah serupa dengan negara ekonomi berasaskan perindustrian yang lain seperti United Kingdom dan Jepun (Lau & Wei, 2018). Penjelasan arus perdana untuk perubahan sosial utama ini ialah bahawa golongan muda tidak mampu memiliki rumah pada awal peringkat perkembangan kerjaya mereka.

Kajian kependudukan di China juga menunjukkan majoriti golongan muda tidak mampu tinggal di bandar-bandar besar kerana harga dan sewaan rumah terlalu mahal. Malah, golongan muda yang baru memulakan kerjaya mengambil keputusan untuk tinggal bersama ibu bapa mereka kerana tidak mampu menyewa rumah di dalam bandar besar (Jing Li 2014).

Perumahan di Malaysia untuk golongan muda amat memerlukan apabila terdapat penyewa yang menempatkan banyak katil pada sebuah Pangsapuri Studio dan memberikan ruang bilik kecil kepada golongan muda khususnya yang berhijrah dari luar bandar ke bandar. Mereka terpaksa menyewa dengan kadar bayaran yang tidak berpatutan dengan kualiti ruang yang ada (Shahlan, Abd Malek & Khashim 2020).

Skim Perumahan Malaysia juga tidak menepati syarat-syarat minimum untuk Golongan muda memiliki rumah di mana mereka perlu memperolehi Gaji RM 5000 untuk membeli Rumah pertama mereka walhal gaji minimum pekerja di Malaysia adalah sebanyak RM 1800 (Shahlan, Abd Malek & Khashim, 2020). Oleh itu, terdapat ramai golongan muda menyewa di luar bandar dan terpaksa berulang-alik kerja ke pusat bandar setiap hari.

PEMBANGUNAN TRANSIT DI PERINGKAT MALAYSIA

Perumahan transit belia oleh NRY Architects berada di pembandaran baharu terletak di antara Taman Pinggiran Pelangi dan KRI Rawang, tapak ini terletak 4 kilometer dari pusat bandar Rawang dan mudah diakses melalui Lebuhraya Utara-Selatan dan Lebuhraya LATAR. Dibangunkan dalam tiga fasa di tanah seluas 50.18 ekar, pembangunan itu turut dilengkapi taman hijau, pusat komuniti dan tempat letak kereta awam yang terletak di antara sembilan blok bangunan 14 tingkat. Tiga jenis unit susun atur disediakan daripada unit studio seluas 700 kaki persegi hingga 900 kaki persegi unit pangsapuri.

IMPAK PERUMAHAN TRANSIT DI MALAYSIA KEPADA MASYARAKAT

Projek perumahan transit untuk golongan muda akan memberikan impak positif kepada kerajaan di mana keseluruhan kos pemajuan ditanggung oleh pihak pemaju. Serterusnya dapat membantu meringankan beban kewangan bagi golongan muda untuk tempoh tertentu sebelum mereka mampu memiliki kediaman sendiri.

Untuk jangka panjang perumahan transit dapat meningkatkan sumber kualiti hidup pengguna dan ini dapat menjadi pemangkin kepada Kawasan kejiranan yang sihat. Perumahan transit secara menyeluruh dapat meningkatkan kadar pemilihan rumah di negara ini kerana golongan muda dapat merancang kewangan sebaiknya pada tempoh masa tertentu serta merancang pembelian rumah pertama kelak (Junaidi et al. 2020).

KONSEP PERUMAHAN RUANG TERHAD

Konsep perumahan ini telah wujud sebelum 1973 apabila Lloyd Kahn dan Bob Easton mengeluarkan buku bertajuk Shelter (Nonko, 2016). Konsep perumahan terhad terdiri

dengan beberapa konsep rumah dengan keluasan yang terhad dengan jenis satu milik atau studio unit bersaiz kurang daripada 46.45 meter atau 500 kaki persegi. Perumahan ini sesuai untuk dihuni oleh pemilik bujang atau keluarga kecil (Fadhilah 2024).

Perumahan ini juga dilengkapi dengan pelbagai kemudahan untuk memenuhi permintaan pemilik. Penawaran hartanah ini dipengaruhi oleh permintaan dan perubahan gaya hidup masyarakat terdiri daripada

golongan bujang yang berhijrah ke bandar dan mencari rumah sesuai dengan keperluan mereka (Lee, 2024). Ruang yang sesuai untuk golongan muda profesional tidak memerlukan ruang yang luas sebaliknya memiliki ruang yang sesuai untuk bekerja selain fungsi asal sebagai rumah yang bersaiz 27.87 meter hingga 46.45 meter persegi jika tinggal bersama pasangan. Dua ciri biasa dimiliki iaitu lokasi dan kebolehsampaian (Gronostajska & Szczegielniak, 2021).

JENIS KONSEP PERUMAHAN YANG SESUAI BAGI PERUMAHAN TRANSIT

JADUAL 1. Jenis Perumahan Mikro					
Ruang	Lokasi	Saiz	Jenis Pemilikan	Deskripsi	Makna
Kehidupan mikro/ Rumah Mikro	Global	20-40sqm	Jual atau Sewa	Merangkumi perkongsian kemudahan	Rumah-rumah kecil
Kehidupan Padat 'Compact Living'	UK	-	Jual atau Sewa	Ruang kediaman Serba lengkap	Penjimatan reka bentuk dalaman, produk dan perabot
Nano Flat	Hong Kong	18sqm	Jual atau Sewa	Ruang kediaman serba lengkap	Menyasarkan Golongan profesional muda
Hidup bersama"Co Living'	Global	12-20sqm	Sewa	Kombinasi ruang privasi dan kemudahan berkongsi	Bertujuan untuk dikongsi bersama untuk perkembangan hidup
Asrama	US	12sqm	Sewa	Bilik tidur berkongsi serta tambahan perkongsian kemudahan	Penyelesaian perumahan dengan perkongsian bilik
Studio	Global	20sqm	Jual atau Sewa	Ruang kediaman serba lengkap	Rumah dengan satu bilik untuk tempat tinggal, makan dan tidur

KEPERLUAN RUANG DAN PROGRAM PERUMAHAN TRANSIT JABATAN PERUMAHAN NEGARA

JADUAL 2. Keperluan Ruang dan Program dan Perumahan Transit	
Ruang	Ciri-ciri
Fasiliti	Surau Lif Tempat letak kereta dan motorsikal
Awam	Dewan Serbaguna Ruang taska Kedai/gerai Pejabat pengurusan Lanskap laman Pagar kawasan Kawalan keselamatan
Privasi	Bilik tidur Tandas Ruang tamu Ruang dapur

ENAM ASPEK REKABENTUK RUANG MIKRO

JADUAL 3. Enam aspek reka bentuk ruang mikro

Aspek	Jenis
Saiz bilik	•Pengurangan bilangan bilik •Pengurangan saiz bilik •Pengurangan pergerakan •Fungsi yang bergabung •Ruang tunggal yang berbeza fungsi •Blok berfungsi
Susun atur spatial	•Mezanin •Dinding pemisah bukan dinding •Penggunaan ruang menegak •Pelan ringkas geometri
Peralatan dan Perabot	•Perabot dapat ditarik atau disorok. •Perabot dibina pada dinding •Penggunaan pintu atau tingkap gelongsor •Reka bentuk dinding boleh alih atau mengubah bentuk ruang
Warna dan bahan	•Penggunaan warna cerah dan terang •Perincian ringkas atau tersembunyi •Permukaan licin, kekurangan corak •Penggunaan cermin
Bukaan	•Memaksimumkan pencahayaan siang •Bukaan dan dinding
Lanskap	•Lanskap hijau luaran dan dalaman

KAEDAH PENYELIDIKAN


Kajian ini adalah bagi mengenal pasti kualiti, potensi, kaedah penyelidikan yang bersesuaian dan mencerakinkan data bagi mengkaji perumahan transit di Perumahan bandar Mikro DBKL di Jalan Tar, Kuala Lumpur. Kajian ini menggunakan 'metod kombinasi' iaitu menggunakan kedua-dua kaedah iaitu kualitatif dan kuantitatif. Metod Kualitatif yang digunakan adalah kajian lapangan (fieldwork) terhadap perumahan bandar DBKL mengenai aspek ruang di bangunan tersebut dari kawasan luar dan dalaman bangunan. Data-data ini kemudiannya direkodkan melalui pendokumentasian berbentuk gambar. Manakala kajian soal selidik (survey) digunakan sebagai metod kuantitatif. Bagi memperoleh data dari kedua-dua metod ini, soal selidik, pemerhatian (tinjauan bangunan) akan dijalankan. Kajian literatur juga dilakukan dan segala dapatan kajian yang mengandungi maklumat tentang perumahan transit dan data berkaitan akan dikaji bagi melengkapkan kajian ini (Bryman, 2016)

Berikut adalah kaedah-kaedah yang dijalankan bagi melengkapkan kajian ini:

1. Kajian literatur/ kajian perpustakaan
2. Analisa data dan cerakinan data
3. Kaedah Pemerhatian
 - a. Kajian kes
 - b. Fotografi

c. Perjalanan transek (Transect walk)

4. Soal Selidik
5. Pengesahan / Validasi
6. Kesimpulan dan Cadangan




PEMILIHAN TAPAK

Pemilihan Kawasan kajian ini adalah perumahan Bandar terletak di Lembah Klang. Kawasan Lembah Klang sememangnya telah menjadi tumpuan pelbagai golongan yang berhijrah dari segenap pelusuk tanah air kerana menjadi pusat utama ekonomi tanah air. Peluang pekerjaan yang disediakan di Lembah Klang meliputi pelbagai sektor juga mendorong berlakunya imigrasi penduduk sehingga menyebabkan bandar-bandar besar di kawasan Lembah Klang mengalami tahap kepadatan penduduk yang tinggi (K Rostam 2006). Jumlah penduduk kini yang direkodkan adalah mencecah 7 juta orang dengan kepadatan penduduk 2,708/km² (Zyed et al. 2024).

KAWASAN KAJIAN

Kawasan kajian kes bagi tesis penyelidikan ini adalah di Perumahan bandar mikro DBKL yang terletak di Lembah Klang. Perumahan Bandar ini adalah daripada alternatif Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bagi mewujudkan penginapan sementara golongan muda yang baharu mula memasuki alam pekerjaan. Selain itu, perumahan ini adalah perumahan transit bagi golongan bujang B70 yang berada di pusat bandar Kuala Lumpur. Bangunan tujuh tingkat yang telah diubahsuai daripada bangunan pejabat lama kepada bangunan perumahan. Dua blok telah dibahagikan mengikut jantina lelaki dan perempuan. Lokasi perumahan ini terletak berhampiran Myrapid transit aliran ringan (LRT), Kereta Api Tanah Melayu (KTM) dan bas GoKL bagi kemudahan pengangkutan awam ke tempat kerja.



RAJAH 1. Lokasi kawasan kajian di Perumahan Bandar Mikro DBKL (Sumber: Google Maps)

KAJIAN LAPANGAN

Perumahan bandar ini terletak di Jalan Tunku Abdul Rahman berdekatan dengan Masjid Jamek Sultan Abdul Samad, Kuala Lumpur. Perumahan ini dapat menempatkan

200 buah bilik. Blok lelaki dan perempuan dipisahkan di mana blok perempuan mempunyai 7 tingkat yang menempatkan 154 bilik manakala lelaki mempunyai 6 tingkat yang menempatkan 130 bilik.



RAJAH 2. Perumahan Bandar Mikro DBKL

Perumahan bandar DBKL mempunyai 9 kemudahan yang penting iaitu berdekatan dengan kemudahan awam, kepelbagaian aktiviti, kebolehsampaian, lanskap lembut dan kejur, deretan kedai, kemudahan parkir motosikal dan basikal dan surau.

1. Aksesibiliti (Accessibility) Berdekatan Kemudahan Awam
2. Kepelbagaian (Variety) Aktiviti Pasar malam dan kesenian
3. Kebolehsampaian
4. Lanskap lembut dan kejur
5. Deretan kedai
6. Kemudahan Parkir motosikal dan basikal
7. Keselamatan- Pengawal keselamatan, Cctv dan Akses kad
8. Surau
9. Lobi- ruang awam dan ruang sosial

ANALISIS RUANG DALAM PERUMAHAN BANDAR DBKL

1. Saiz Bilik




RAJAH 3. Perumahan Bandar Mikro DBKL

a. Pengurangan saiz bilik

Saiz bilik untuk seorang penghuni di perumahan bandar adalah berukuran 2500mmx2700mm dan untuk dua penghuni berukuran 2700mmx 5000mm. Bilik ini dilengkapi dengan sebuah katil dan almari baju. Saiz

bilik adalah mematuhi syarat minimum UBBL Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 iaitu lebar ruang tidak kurang daripada 2000mm. Tetapi, secara ergonomikal, saiz bilik piawai perseorang adalah berukuran 3100mmx2600mm dengan dilengkapi oleh perabot baju, katil, sebuah meja belajar dan kerusi.




RAJAH 4. Pelan saiz bilik perumahan bandar DBKL

b. Ruang yang berbeza fungsi

Ruang berbeza fungsi dimana tandas, tempat penyimpanan, tempat menjemur pakaian, bumbung terbuka, dapur dan ruang makan adalah jenis bersama atau perkongsian. Ruang dapur bersama ada pada setiap

aras kecuali aras tanah. Di ruang ini juga dilengkapi dengan meja makan dan loker penyimpanan barang.

2. Pelan susun atur spatial ruang



RAJAH 5. Pelan susun atur reka bentuk perumahan bandar DBKL

a. Dinding pemisah bukan dinding

Bilik dipisahkan oleh penghadang bukan dinding iaitu langsir untuk memberikan privasi kepada penghuni.



RAJAH 6. Penggunaan langsir perumahan bandar DBKL


3. Peralatan dan perabot



RAJAH 7. Peralatan dan perabot perumahan bandar DBKL

Bilik dilengkapi dengan perabot tidak mudah ditarik atau disembunyikan menyebabkan ruang bilik tidak dapat digunakan secara maksimum. Selain itu, penggunaan MDF board pada perabot memudahkan pengumpulan habuk pada bilik, menyebabkan alahan dan sukar untuk dibersihkan.


4. Warna dan bahan



RAJAH 8. Warna dinding dalaman perumahan bandar DBKL

Warna yang gelap juga memainkan peranan dalam pencahayaan bangunan. Bagi perumahan ini setiap tingkap menggunakan warna yang berbeza. Warna yang gelap menyebabkan ruang gelap dan suram.

5. Bukaan



RAJAH 9. Pencahayaan dan pengudaraan di perumahan bandar DBKL

Pencahayaan dan pengudaraan hanya berlaku pada dinding hadapan dan belakang bangunan menyebabkan ruang tengah perumahan menjadi gelap dan suram. Tiada pencahayaan dan pengudaraan secara langsung pada bilik kediaman yang tidak menghadap kedua-dua bahagian ini menyebabkan kebergantungan terhadap sistem pencahayaan elektrik dan pengudaraan mekanikal.

6. Lanskap

Lanskap lembut dan kejur hanya terdapat di hadapan luar bangunan perumahan bandar. Tiada integrasi lanskap dalam ruang dalaman perumahan bandar DBKL. Lanskap amat penting bagi keselesaan penghuni dalam perumahan kerana ia memberikan suasana perumahan yang boleh didiami dan hijau.

KEPERLUAN RUANG DAN PROGRAM PERUMAHAN BANDAR DBKL

JADUAL 4. Ruang dan Program Perumahan Bandar DBK

Ruang	Ciri-ciri
Fasiliti	Berdekatkan pengangkutan awam (Lrt, Monorel dan bas) Deretan kedai Surau Kawalan keselamatan Lif Parkir motosikal dan basikal
Ruang Awam & Ruang Komuniti	Lobi Bilik serbaguna Ruang acara- ruang kesenian dan aktiviti sukan Ruang sosial Ruang makan Ruang rehat
Privasi	Dapur bersama Tandas bersama Stor/ Ruang penyimpanan Tempat menjemur pakaian Bumbung terbuka Bilik tidur

ENAM ASPEK RUANG PERUMAHAN BANDAR DBKL

Enam aspek tersebut adalah dari segi saiz ruang, susun atur spatial bilik, peralatan dan perabot, warna dan bahan, bukaan serta lanskap. Aspek ini diperoleh berdasarkan Model rekabentuk perumahan Mikro dalam Artikel *Inside a Microapartment: Design Solutions to Support Future Sustainable Lifestyles* oleh Barbara dan Anna (2021).

JADUAL 5. Aspek Keperluan Perumahan Bandar DBKL

Jenis	Penilaian ruang
Saiz bilik	•Pengurangan Saiz Bilik •Ruang tunggal yang berbeza fungsi
Susun atur spatial	•Susun atur konvensional •Dinding pemisah bukan dinding •Pelan ringkas geometri
Peralatan dan perabot	•Perabot tidak dapat ditarik dan disembunyikan
Warna dan bahan	•Penggunaan warna gelap
Bukaan	•Pencapaian siang kurang •Pengudaraan kurang
Lanskap	•Lanskap hijau luaran

SOAL SELIDIK

Soal selidik terhadap 100 responden terdiri daripada golongan muda dan penduduk perumahan bandar. Dua soal selidik dilakukan untuk menentukan keperluan dan kehendak perumahan transit. 30 responden bagi soal selidik A iaitu mengenai kajian ruang perumahan bandar DBKL. Manakala soal selidik B terdiri daripada 70 responden daripada golongan muda iaitu untuk menentukan secara keseluruhan keperluan ruang dan kehendak perumahan transit. Kedua-dua kajian ini adalah untuk mengkaji keperluan dan kehendak ruang. Seterusnya, akan dilakukan penilaian terhadap kehendak ruang perumahan transit. Analisa Data ini direkodkan dan dianalisa dalam bentuk carta bar dan carta pai. Melalui pengumpulan data-data daripada responden, keperluan dan kehendak ruang perumahan transit berdasarkan enam aspek keperluan ruang perumahan transit diperoleh. Enam aspek tersebut adalah dari segi saiz ruang, susun atur spatial bilik, peralatan dan perabot, warna dan bahan, bukaan serta lanskap. Aspek ini diperoleh berdasarkan Model rekabentuk perumahan Mikro dalam Artikel *Inside a Microapartment: Design Solutions to Support Future Sustainable Lifestyles* oleh Barbara dan Anna (2021).

ANALISIS SOAL SELIDIK A- PERUMAHAN BANDAR DBKL

BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG RESPONDEN

1. Responden

Responden yang telah disoal selidik terdiri daripada 30 orang yang terdiri daripada golongan muda iaitu berumur dalam lingkungan 25-34 tahun. 70% orang penghuni perumahan bandar DBKL. Manakala 30% orang bukan penghuni perumahan bandar.




RAJAH 10. Jenis Responden mengikut penghuni

BAHAGIAN B: KEPERLUAN DAN KEHENDAK AKTIVITI PERUMAHAN BANDAR DBKL


1. Keperluan ruang tambahan yang di mahukan di ruang awam perumahan bandar DBKL

Ruang tambahan yang dimahukan di ruang awam perumahan bandar adalah ruang bacaan, bilik teater, gimnasium, ruang sosial, ruang santai, tempat bekerja, ruang interaktif, ruang lanskap dan kedai runcit 24 jam. Keperluan ruang santai mencatatkan peratusan tertinggi iaitu sebanyak 76.7%.

Keperluan ruang tambahan yang di mahukan di ruang awam perumahan transit DBKL.
30 responses

RAJAH 11. Jenis keperluan ruang tambahan yang dimahukan di ruang awam perumahan bandar DBK

2. Keperluan ruang tambahan yang di mahukan di ruang privasi perumahan bandar DBKL




RAJAH 12. Keperluan ruang tambahan yang di mahukan di ruang privasi perumahan bandar DBKL

Keperluan ruang yang dimahukan di ruang privasi perumahan bandar yang mencatatkan peratusan tertinggi

adalah ruang balkoni iaitu 44.8%.

3. Kehendak aktiviti yang dimahukan di perumahan bandar DBKL


Kehendak aktiviti yang dimahukan di perumahan transit.
30 responses

RAJAH 13. Kehendak aktiviti yang dimahukan di perumahan transit

Kehendak aktiviti yang dimahukan di perumahan transit adalah program peningkatan kemahiran diri, kesenian, aktiviti sukan, aktiviti kesukarelaan, malam filem, ruang pameran, barbeku dan aktiviti menanam pokok.

BAHAGIAN C: PILIHAN RUANG PERUMAHAN BANDAR


1. Jenis pilihan dapur yang diinginkan

Pilihan dapur yang diinginkan
30 responses

RAJAH 14. Jenis pilihan dapur yang diinginkan di perumahan bandar DBKL.

Pilihan dapur tertinggi ialah dapur persendirian iaitu sebanyak 80% manakala dapur berkongsi sebanyak 20%.

2. Pilihan tandas yang diinginkan


Pilihan Tandas yang di mahukan?
30 responses

RAJAH 15. Pilihan tandas yang diinginkan

Pilihan tandas tertinggi adalah jenis persendirian iaitu sebanyak 93.3%. Manakala peratusan tandas berkongsi adalah sebanyak 6.7%.


BAHAGIAN D: TAHAP KESELESAAN RESPONDEN TERHADAP PENCAHAYAAN DAN PENGUDARAAN PERUMAHAN BANDAR DBKL

3. Tahap keselesaan pencahayaan perumahan bandar



RAJAH 16. Tahap keselesaan pencahayaan perumahan bandar

4. Tahap keselesaan pengudaraan perumahan bandar



RAJAH 17. Tahap keselesaan pengudaraan perumahan bandar

Data boleh disimpulkan tahap keselesaan pencahayaan dan pengudaraan adalah pada tahap sederhana memuaskan.

BAHAGIAN E: PENDAPAT TENTANG PERUMAHAN BANDAR DBKL

1. Keselesaan saiz bilik




RAJAH 18. Keselesaan saiz bilik

63.3% menyatakan bahawa mereka tidak selesa terhadap saiz bilik yang disediakan dan 36.7% menyatakan mereka selesa terhadap saiz bilik yang disediakan.

2. Kecukupan ruang awam


Adakah ruang awam Perumahan transit DBKL mencukupi bagi anda?
30 responses



RAJAH 19. Kecukupan ruang awam

3. Kecukupan kemudahan yang disediakan

Pendapat anda tentang kemudahan yang diberikan di Perumahan transit.
30 responses




RAJAH 20. Kecukupan kemudahan yang disediakan

56.7% menyatakan bahawa mereka ruang awam yang disediakan mencukupi. Manakala 43.3% menyatakan ruang awam tidak mencukupi.


BAHAGIAN F: KESAHAN RESPONDEN TERHADAP PERUMAHAN BANDAR

1. Skor kepuasan bilik yang disediakan.



RAJAH 21. Skor kepuasan bilik keseluruhan

2. Skor kepuasan keseluruhan perumahan bandar DBKL



RAJAH 22. Skor kepuasan keseluruhan

Tahap kepuasan bilik dan keseluruhan perumahan bandar DBKL mencatatkan peratusan sederhana memuaskan iaitu sebanyak pada skala 3.

KESIMPULAN DARIPADA DATA

Soal selidik A yang telah dijalankan di perumahan bandar DBKL bersama 30 responden daripada penghuni dan bukan penghuni perumahan ini, 53.3% mendapati bahawa kemudahan yang disediakan di perumahan ini tidak mencukupi. Selain itu, 56.7% menyatakan bahawa ruang awam perumahan bandar ini tidak mencukupi bagi mereka. Selain itu, saiz bilik yang disediakan tidak memenuhi kepuasan responden dimana majoriti responden iaitu 63.3% menyatakan mereka tidak selesa terhadap saiz bilik yang disediakan. Skor kepuasan keseluruhan perumahan ini adalah berada pada tahap sederhana memuaskan iaitu pada skala 3 dengan peratusan sebanyak 70%.

Keperluan tambahan yang dimahukan di ruang awam perumahan bandar DBKL adalah ruang bacaan, bilik teater, gimnasium, ruang sosial, ruang santai, tempat bekerja, ruang interaktif, ruang lanskap dan kedai runcit 24 jam. Keperluan ruang santai mencatatkan peratusan tertinggi iaitu sebanyak 76.7%. Manakala, ruang bekerja adalah kedua tertinggi dengan peratusan 63.3%.

Kemudahan ruang awam yang diingini adalah berhampiran dengan pengangkutan awam, mempunyai tempat letak kereta dan motosikal, gerai makanan, kedai serbaneka, dobi, lif dan kafe. Mereka juga memilih ruang santai, ruang sosial, lanskap laman, pondok pengawal, dapur kongsi dan ruang kerja bersama. Kemudahan ruang privasi yang dipilih adalah tandas jenis asing, dapur, dobi, ruang kerja, ruang makan, ruang tamu, stor penyimpanan dan balkoni.

Selain itu, bukaan yang dinyatakan adalah jenis

bukaan tingkap besar diikuti oleh penggunaan pintu atau tingkap gelongsor dan bukaan pada dinding. Mereka memilih lanskap hijau pada ruang dalaman rekabentuk, taman bumbung dan lanskap hijau luaran. Ruang komuniti dan ruang awam yang diingini adalah jenis perkongsian kawasan luar, ruang santai, ruang sosial, perpustakaan mini, ruang kerja bersama, ruang dapur dan ruang makan dan diikuti oleh teater mini.

KEPERLUAN RUANG DAN KEHENDAK PERUMAHAN TRANSIT

1. Objektif 1

JADUAL 4 Keperluan ruang perumahan transit

Jadual 7.0 Keperluan ruang perumahan transit

Jenis	Keperluan ruang
Fasiliti	Berdekatan pengangkutan awam (Lrt, Monorel dan bas) Tempat letak kereta dan motosikal Gerai makanan Kafe Berhampiran farmasi atau klinik Berdekatan stesen petrol Kedai runcit 24/7 Surau Dobi Kawalan keselamatan Lif
Ruang Awam Dan Ruang komuniti	Lobi Dewan serbaguna Bilik serbaguna Ruang sosial Ruang Interaktif Gimnasium Ruang santai/ libur Ruang acara Ruang sosial Ruang barbeku Ruang kerja bersama Ruang rehat Dapur bersama dan ruang makan Tandas bersama Perpustakaan mini Mini teater Tempat menjemur pakaian Ruang bumbung terbuka Ruang lanskap
Ruang Privasi	Bilik tidur Tandas asing Dapur asing Ruang tamu Balkoni/teres Ruang kerja/bacaan Stor/ Ruang penyimpanan

Mengkaji keperluan dan kehendak ruang untuk perumahan transit.

JADUAL 5 Kehendak ruang perumahan transit

Jenis	Kehendak ruang
Saiz bilik	300 kaki persegi 200 kaki persegi 500 kaki persegi 750 kaki persegi
Susun atur spatial	Mezanin atau duplex Ruang tidak bercampur fungsi Dinding pemisah antara bilik
Peralatan dan perabot	Perabot dibina pada dinding Rekabentuk perabot dapat ditarik atau disorok Perabot berlainan aras
Warna dan bahan	Penggunaan warna cerah Perincian ringkas atau tersembunyi Penggunaan cermin
Bukaan	Bukaan tingkap besar Penggunaan pintu atau tingkap gelongsor Bukaan pada dinding
Lanskap	Lanskap hijau dalaman Taman bumbung Lanskap hijau luaran

PENILAIAN KEHENDAK RUANG DAN PROGRAM PERUMAHAN TRANSIT

1. Objektif 2

Untuk menilai tentang kehendak ruang dan program untuk perumahan transit.

JADUAL 6 Penilaian kehendak ruang dan program perumahan transit

No	Penilaian Kehendak	Penilaian program
1	Pelan lantai jenis terbuka, semi terbuka dan tertutup	Jenis perumahan transit daripada jenis kediaman rendah, sederhana tinggi dan bangunan tinggi
2	Ruang awam yang lebih mempunyai banyak aktiviti	Jenis bilik bujang, bilik berganda dan bertiga.
3	Lobi yang direka dengan elemen seronok dan hijau	Mempunyai program sukan peningkatan kemahiran diri/ <i>upskilling</i> , kesenian, menanam pokok, barbeku,
4	Bilik yang mempunyai ruang penyimpanan dan ruang kerja	Perumahan transit berkonsepkan hidup bersama co-living
5	Mempunyai dapur dan tandas persendirian	Ruang komuniti dan awam berad pada setiap tingkat perumahan
6	Tandas bersama dengan stor penyimpanan	
7	Dapur bersama yang lebih kemas dan rekabentuk yang menarik	
8	Ruang komuniti dengan perkongsian kawasan luar, ruang santai, ruang sosial dan ruang kerja bersama.	

Berdasarkan data yang dikumpul mengenai keperluan dan kehendak ruang perumahan transit beberapa kesimpulan boleh dibuat. Dari segi fasiliti yang diinginkan di perumahan transit adalah berdekatan

dengan pengangkutan awam (Lrt, Monorel dan bas), mempunyai parkir kereta dan motorsikal, berhampiran klinik dan stesen petrol, kedai 24/7, mempunyai kawalan keselamatan, surau, dobi, gerai dan kafe. Manakala bagi ruangan awam, golongan muda lebih memilih ruang yang dapat meningkatkan hubungan mereka dengan komuniti yang lain dan mempunyai lebih banyak aktiviti seperti ruang perkongsian kawasan luar, ruang santai, ruang barbeku, ruang interaktif, ruang sosial, dapur dan ruang kerja bersama, perpustakaan mini dan mini teater. Mereka juga memilih lanskap hijau diintegrasikan dalam ruang luaran dan ruang dalaman perumahan.

Bagi ruangan privasi, analisis menunjukkan bilik jenis tunggal, berkembar dan bertiga. Golongan muda lebih gemar dapur dan tandas berasingan daripada dapur dan tandas jenis perkongsian. Analisis juga menunjukkan Golongan muda memerlukan ruangan kerja, balkoni, ruang tamu dan stor penyimpanan pada setiap aras perumahan transit. Selain itu, mereka lebih memilih susun atur spatial menggunakan mezanin atau *duplex level*, ruang tidak bercampur fungsi dan penggunaan dinding pemisah. Bukaan besar, penggunaan pintu gelongsor dan bukaan pada dinding dipilih supaya menggalakkan pencahayaan dan pengudaraan dalam bangunan. Dari segi peralatan perabot, mereka memilih perabot yang dibina pada dinding, perabot berlainan aras dan perabot yang ditarik atau disorok supaya ruang dapat dimaksimumkan sebaik mungkin. Seterusnya, mereka memilih penggunaan warna dan bahan yang cerah, ringkas dan tersembunyi dan penggunaan cermin.

Dari segi program perumahan, mereka lebih memilih program sukan, program peningkatan kemahiran diri, kesenian, aktiviti menanam pokok, dan barbeku dan majoriti bersetuju jika perumahan transit berkonsepkan hidup bersama menjadi pilihan perumahan sekaligus dapat mewujudkan suasana yang sihat, selesa dan selamat.

CADANGAN TAMBAHAN KEPERLUAN DAN KEHENDAK RUANG PERUMAHAN TRANSIT

Ruang	Keperluan ruang
Awam	Gerai makanan Kafe Berhampiran farmasi atau klinik Berhampiran stesen petrol Dobi
Semi Privasi	Ruang Interaktif Gimnasium Ruang santai/ libur Ruang barbeku Ruang kerja bersama Mini Teater Ruang lanskap
Privasi	Tandas asing Dapur asing Balkoni/teres Ruang kerja/bacaan Stor/ Ruang penyimpanan

Cadangan tambahan dikenapasti daripada pemilihan oleh responden-responden terhadap keperluan ruang perumahan transit. Cadangan ini adalah tambahan daripada keperluan sedia ada di perumahan bandar DBKL dan berdasarkan Program Rumah Transit Jabatan Negara.

SUMBANGAN KAJIAN TERHADAP KEPERLUAN DAN KEHENDAK RUANG PERUMAHAN TRANSIT

Kajian terhadap keperluan dan kehendak ruang perumahan transit khusus bagi golongan muda yang baharu bekerja memberikan sumbangan yang penting dalam pembangunan perumahan transit di Malaysia. Perumahan transit bagi golongan ini membantu cabaran yang dihadapi oleh golongan muda dalam tempoh peralihan kehidupan.

Sumbangan pertama adalah perumahan mampu milik dan fleksibiliti dimana golongan muda bergelut dengan kos perumahan yang tinggi di bandar-bandar besar, pendapatan yang terhad, hutang pinjaman pelajaran atau baharu memulakan pekerjaan.

Sumbangan kedua adalah komuniti dan rangkaian dimana golongan muda menginginkan persekitaran perumahan yang menggalakkan interaksi sosial, rangkaian serta jalinan komuniti. Selain itu, sumbangan terhadap kesihatan mental dan kesejahteraan. Golongan muda sering menghadapi tekanan dan cabaran kesihatan mental semasa fasa peralihan. Ruang perumahan transit direka bentuk agar dapat memberikan mereka kesejahteraan dengan menawarkan kemudahan, perkhidmatan dan persekitaran yang kondusif untuk kesihatan mental dan emosi.

Akhir sekali, sumbangan terhadap dasar dan program. Kajian terhadap keperluan dan kehendak perumahan ini boleh menjadi rujukan dan mengubah keperluan dan program perumahan transit jabatan perumahan negara supaya mempertimbangan cadangan tambahan keperluan ruang dalam rancangan perumahan akan datang.

KESIMPULAN

Peningkatan golongan muda yang bekerja di bandar, kenaikan harga rumah, peningkatan pendapatan yang rendah dan kos sara hidup tinggi menyukarkan golongan muda dalam mendapatkan rumah atau bilik. Majoriti golongan ini lebih memilih untuk menyewa bilik dan menumpang saudara terdekat. Perumahan transit bagi golongan muda amat sesuai dibangunkan di bandar-bandar besar khususnya di Kuala Lumpur kerana 82.9% golongan

muda menyatakan mereka memerlukan perumahan transit bagi tujuan ke tempat kerja. Perumahan transit berkonsepkan hidup bersama sesuai dijadikan salah satu konsep perumahan ini.

Dengan adanya kajian ini, hasil dapatan yang diperoleh daripada kajian kepustakaan, kajian kes dan dua soal selidik dapat menentukan keperluan dan kehendak ruang perumahan transit. Keperluan yang dikenalpasti adalah berdasarkan Jadual 7 dan 8. Manakala, penilaian kehendak ruang dan program berdasarkan Jadual 9. Menerusi penilaian keperluan dan kehendak ruang ini boleh meningkatkan kualiti perumahan transit sedia ada di Malaysia dengan mengambil kira kehendak pengguna. Seterusnya tambahan cadangan keperluan dan kehendak dapat dikenalpasti hasil daripada ketiga-tiga kajian yang telah dibuat berdasarkan Jadual 10.

Bagi memastikan pembangunan perumahan transit sedia ada mampu menarik golongan muda dan memberikan kualiti hidup kepada mereka, pihak-pihak seperti arkitek, pihak berkuasa tempatan dan jururancang dapat merekabentuk perumahan transit dengan keperluan ruang yang dikenalpasti dengan mengambil kira kehendak pengguna iaitu golongan muda. Bukan itu sahaja, perumahan transit ini boleh menjadi salah satu perumahan yang dapat membantu golongan ini dalam peningkatan kemahiran diri ataupun *upskilling*, mengikuti program kerjaya dan komuniti. Selain itu, perumahan ini mampu meningkatkan kehidupan sosial mereka dan memberikan kualiti hidup yang lebih baik.

Melalui kajian penyelidikan ini, penulis berharap hasil kajian ini dapat menjadi rujukan dalam mereka bentuk perumahan transit yang baharu dan golongan muda mendapatkan manfaat perumahan yang diberikan. Seterusnya, dapat menyumbang kepada penyelesaian masalah perumahan masakini bagi golongan muda supaya dapat menyokong kehidupan semasa masa peralihan mereka. Akhir sekali, penulis berharap kajian ini menjadi pemangkin atau rujukan bagi penyelidik-penyelidik lain mengkaji keperluan dan kehendak perumahan transit dengan lebih mendalam lagi untuk kajian pada masa hadapan seperti mengkaji kajian kebolehlaksanaan (feasibility study) perumahan transit dengan keperluan ruang yang diinginkan.

PENGHARGAAN

Penulis berterima kasih kepada Universiti Kebangsaan Malaysia yang telah memberikan dana penyelidikan GGPM-2021-006 bagi membantu kajian ini.

PENGISYTIHARAN KEPENTINGAN BERSAING

Tiada.

RUJUKAN

- Abd Malek, M. I. 2020. Mixed-use, mixed-income neighbourhood typo-morphology: The case of Kampong Bharu, Kuala Lumpur, Malaysia. PhD. diss., Oxford Brookes University.
- Besar, J. A., Razali, S. N. ' M., & Rose, R. a. C. 2020. Faktor mempengaruhi pemilikan rumah dalam kalangan isi rumah berpendapatan sederhana. *Akademika* 90(1): 115–127. <http://journalarticle.ukm.my/15504/>
- Bryman, A. 2016. *Social Research Method*. Edisi ke-5. New York: Oxford University Press Inc.
- Bujang, A. A., Zarin, H. A., & Jumadi, N. 2010. The relationship between demographic factors and housing affordability. *Malaysian Journal of Real Estate* 5(1): 49-58.
- Fadhilah, A. H., Wyanarti, E., & Logayah, D. S. 2024. Patterns of social interaction in housing. *IJTIMAIIYA: Journal of Social Science Teaching* 8(1): 21-34.
- Gronostajska, B. E., & Szczegieliak, A. 2021. Inside a microapartment: Design solutions to support future sustainable lifestyles. *Buildings* 11(12): 654.
- Hamzah, H., & Zyed, Z. A. 2021. Housing pathways of young starters in urban Malaysia. *Journal of Housing and the Built Environment* 36(2): 705–722. <https://doi.org/10.1007/s10901-020-09777-x>
- Ismail, A. K. 2015. Kemampuan memiliki rumah oleh golongan belia bumiputera. Tesis ijazah Doktor Falsafah, Fakulti Geoinformasi dan Harta Tanah, Universiti Tekonologi Malaysia.
- Jing, L. 2014. Recent trends on housing affordability research: Where are we up to? Hong Kong.
- Kholid, M. F., & Zaharin, P. M. B. 2019. Micro housing: Typological study and implementation in Malaysia. *Environment -Behaviour Proceedings Journal* 4(12): 265-278
- Lau, M. H., & Wei, X. 2018. Housing size and housing market dynamics: The case of micro-flats in Hong Kong. *Land Use Policy* 78: 278-286.
- Lee, Y. W. 2024. A study on factors affecting young adults' ability to settle in housing within the Klang Valley area. PhD. diss., UTAR.
- Mohamed, R., Ramli, Z., & Sum, S. M. 2020. Kemampuan pemilikan rumah dalam kalangan M40 di Malaysia (Home ownership affordability among M40 in Malaysia). *Akademika* 90(1).
- Nonko, E. 2016. *Is There a Future for Micro Housing in New York City?*. Curbed NY. <https://ny.curbed.com/2016/9/19/12970542/micro-housing-nyc-future-studio-apartments>.
- Shahlan, N. N. A., Abd Malek, M. I., & Khashim, N. F. 2020. Tipologi perumahan bandar mikro bagi golongan bujang B40 di Kuala Lumpur. *Journal of Design+ Built* 13(1).
- Sohaimi, N. S., Abdullah, A., & Shuid, S. 2017. Housing affordability and pathways among Malaysian young professionals in greater Kuala Lumpur. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 7(2): 653. <https://doi.org/10.6007/IJARBS/v7-i2/2673>
- The Sun*. 2021. KPKT plans to build 7,448 youth transit housing units. <https://thesun.my/local-news/kpkt-plans-to-build-7448-youth-transit-housing-units-DY8450454#:~:text=KUALA%20LUMPUR:%20The%20Housing%20and%20Local%20Government%20Ministry> (akses pada 11 Oktober 2021)
- Yaaco, M. A., Hammad Ahmad Khan, H., & Mohd Noor, N. H. 2024. The determinants of renting intention and renting satisfaction: The role of housing knowledge, housing challenges, and housing policy. *International Journal of Housing Markets and Analysis*.
- Zyed, Z. A. S., Badrudin, I. S., & Tedong, P. A. 2024. From homeless to home: Issues and challenges of housing continuity in Klang Valley, Malaysia. *International Journal of Housing Markets and Analysis*.